

24 JUN 2003

WAKIL RAKYAT TIDAK MAMPU JALAN TUGAS PERLU BERUNDUR - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 24 Jun (Bernama) -- Wakil-wakil rakyat yang sudah tidak mampu menjalankan tugas perlu berundur daripada terus bertanding mengekalkan kerusi mereka dalam pilihan raya akan datang, kata Perdana Menteri hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata: " Kalau dia rasa tak boleh buat sesuatu, dia perlu undur diri."

Beliau berkata demikian kepada pemberita di lobi Parlimen apabila ditanya sama ada wakil-wakil rakyat yang tidak efektif dan tidak popular perlu berundur daripada terus bertanding mengekalkan kerusi Parlimen mereka.

Mengenai wakil rakyat yang jarang melawat kawasan dan tidak menghadiri persidangan Dewan Rakyat, Dr Mahathir berkata sebagai Presiden Umno beliau akan mengambil kira semua perkara itu dalam memilih calon parti untuk pilihan raya umum akan datang.

Ditanya mengenai kenyataannya pada Perhimpunan Agung Umno ke 54 minggu lepas bahawa beliau mengambil keputusan untuk bersara semasa masih berada di puncak kerjaya, Dr Mahathir berkata masanya akan tiba bagi seseorang itu perlu berundur dari jawatan yang dipegangnya.

Untuk itu, seseorang wakil rakyat harus terima kenyataan bila tiba masanya dia perlu berhenti secara sukarela atau tidak lagi dipilih untuk mengekalkan jawatannya sebagai seorang wakil rakyat, katanya.

-- BERNAMA

HK NM RON